



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **29 Jamadilawal 1443 / 03 Januari 2022**

- I. Pada hari ini, Isnin 29 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 03 Januari 2022, sebanyak **7 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,506 orang.**
  - Daripada jumlah tersebut, **4** adalah kes tempatan manakala **3** adalah kes import.
  - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **932 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.8%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes masih dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan

bantuan mesin tambahan *heart/lung machine*, ECMO di Unit Rawatan Intensif).

3. **18 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,317 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **89 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **2.3%**.
4. Sehingga kelmarin, 02 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
  - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.5%**;
  - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.3%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **21.6%**.
5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah akan dijalankan minggu ini bagi pesakit-pesakit yang terpilih sahaja yang mengalami kesukaran bergerak atau terlantar di katil. Perkhidmatan rumah-ke-rumah ini

akan dijalankan di beberapa Mukim dari jam 9:00 pagi hingga 2:30 petang pada tarikh-tarikh berikut:

- 3 Januari 2022 di Mukim Gadong ‘A’, Mukim Gadong ‘B’, Mukim Berakas ‘A’, Mukim Berakas ‘B’ dan Mukim Mentiri.
- 4 Januari 2022 di Mukim Bato Apoi, Mukim Bokok, Mukim Bangar, Mukim Amo, Mukim Mentiri, Mukim Lumapas, Mukim Kota Batu dan Mukim Liang.
- 5 Januari 2022 di Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam, Mukim Telisai, Mukim Serasa, Mukim Kilanas, Mukim Berakas ‘A’, Mukim Berakas ‘B’ dan Mukim Liang.
- 6 Januari 2022 di Mukim Telisai, Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam, Mukim Tanjong Maya dan Mukim Berakas ‘B’.
- 8 Januari 2022 di Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam, Mukim Tanjong Maya, Mukim Berakas ‘B’ dan beberapa mukim di kawasan Kampung Ayer.

Pesakit yang memenuhi kriteria bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah ini akan lebih awal dihubungi oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi saringan awal, dan mereka adalah diminta untuk memberikan nombor kad pengenalan atau pasport, serta kad (atau nombor) Brú-HIMS, jika ada.

6. Seterusnya, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberadaan kes-kes positif yang dikesan di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan sedikit hasil penelitian yang telah dijalankan. Sebagaimana yang tertera pada skrin sekarang, di antara **26 Disember 2021 sehingga 31 Disember 2021**, **Alhamdulillah, tidak ada mukim mempunyai lebih daripada 40 kes, di mana 12 mukim (30.8%) mempunyai jumlah kes di antara 1-40 kes dan 27 mukim (69.2%) mempunyai kes sifar.**

(epidemic map on screen)

7. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 5 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **3 daripadanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
8. Sementara itu, mengenai dengan Dasar Pelawat dan Pendamping di Hospital-hospital Kerajaan yang dikemaskini baru-baru ini yang bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan pelawat, pesakit dan semua petugas-petugas hospital dari pendedahan kepada risiko penularan wabak COVID-19 di hospital, Kementerian

Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa melawat hanya dibenarkan bagi pesakit-pesakit yang kritikal atau nazak, dan tidak dibenarkan bagi pesakit-pesakit lain pada masa ini. Sehubungan dengan itu, adalah dipohonkan kepada semua pelawat yang ingin melawat para pesakit yang dalam keadaan kritikal atau nazak untuk mematuhi semua arahan yang diberikan oleh petugas-petugas ketika berada di hospital. Di sini Kementerian ini ingin menjelaskan dengan lebih lanjut serta menegaskan bahawa:

- Jumlah orang yang dibenarkan untuk melawat para pesakit yang dalam keadaan kritikal atau nazak di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau Unit Rawatan Jantung (CCU) atau di wad-wad ialah 2 orang ahli keluarga terdekat sahaja pada satu-satu masa;
  - Sijil ujian ART perlu ditunjukkan kepada petugas-petugas hospital sebelum memasuki ICU, CCU atau wad semasa melawat pesakit yang dalam keadaan kritikal atau nazak; dan
  - Walau bagaimanapun, seorang peneman adalah dibenarkan bagi mana-mana pesakit mengikut garis panduan yang dikuatkuasakan pada masa sekarang.
9. Bersempena tahun baru 2022 ini, marilah kita tingkatkan azam dan tanggungjawab untuk terus memberi kerjasama dan mematuhi arahan pihak Kerajaan dalam menangani wabak COVID-19. Semoga

rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan terselamat dari segala bencana dan musibah, khususnya dari wabak COVID-19...Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

10. Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan bagi pihak Jawatankuasa Pandu COVID-19 ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bermula pada hari ini, sidang media Situasi Terkini COVID-19 akan diadakan 3 kali seminggu sahaja iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 29 Jamadilawal 1443H / 03 Januari 2022